

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4/9/2010

Rakyat masih keliru konsep 1Malaysia - Tun Mahathir

um - 4/09/2010
JERLUN 3 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengulangi kebimbangannya bahawa masyarakat berbilang kaum di negara ini mungkin akan keliru dengan konsep 1Malaysia jika ia gagal diperjelaskan secara terperinci kepada rakyat.

Bekas Perdana Menteri itu yang menyokong gagasan tersebut berkata, beliau masih mendapati rakyat di negara ini mempunyai tafsiran yang berbeza mengenai gagasan 1Malaysia sekali gus boleh menyukarkan penyatuan bangsa.

"Kalau tafsiran berbeza macam mana nak bersatu. Sebab itu kena jelaskan. Kalau tak jelas, masing-masing tidur sebantol mimpi lain-lain, ini yang payah," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis penyampaian sumbangan kepada guru-guru agama bagi Parlimen Jerlun dan majlis berbuka puasa bersama beliau di Masjid Kampung Pering, Kodiang di sini semalam.

Beliau ditanya pandangannya mengenai kelancaran gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas mengambil alih kepimpinan negara April tahun lalu.

Hadir sama anaknya yang juga Ahli Parlimen Jerlun merangkap Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Dr. Mahathir turut memuji dan menghargai penegasan Najib bahawa pelaksanaan Model Baru Ekonomi (MBE) tidak akan mengetepikan elemen-elemen Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mempunyai banyak langkah afirmatif bagi membantu bumiputera.

"Baguslah, saya ucap terima kasihlah," katanya yang sebelum ini dilapor bimbang bahawa DEB masih diperlukan kerana tempoh masa selama 20 tahun belum cukup untuk membolehkan golongan bumiputera berada setara dari segi ekonomi dengan kaum lain.

Beliau berkata, ketika kerajaan memperkenalkan perubahan, ia juga perlu menjaga kepentingan bumiputera yang masih memerlukan bantuan.

Mengenai meritokrasi, Dr. Mahathir mengatakan, ia boleh menjadi rasis apabila mengambil hak orang Melayu dan bumiputera lain.

"Kalau meritokrasi, saya ingat sesetengah daripada penuntut universiti itu tak dapat masuklah. Peniaga baru di bandar pun tak ada apalah... habislah," katanya.

Mengulas mengenai gerakan anti-Malaysia di Indonesia, Dr. Mahathir berkata, ia dibangkitkan segelintir pihak dan tidak mencerminkan sentimen keseluruhan rakyat di republik itu yang mencecah kira-kira 230 juta orang.